



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA KEEMPAT MALAYSIA-CHINA DALAM KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PUTRAJAYA, 22 JUN 2026 – YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Keempat Malaysia-China dalam kerjasama Sains, Teknologi dan Inovasi (*4th Joint Committee Meeting- JCM*) secara bersama dengan PYT Lin Xin dari Republik Rakyat China (RRC). Penganjuran JCM keempat ini adalah berasaskan kerangka Perjanjian Kerjasama Sains, Teknologi dan Inovasi yang ditandatangani antara Malaysia dan RRC pada 4 Oktober 2013 dan merupakan platform utama dalam memperkukuh agenda kerjasama dua hala dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Mesyuarat ini juga merupakan susulan lawatan rasmi TYT Presiden RRC, Xi Jinping ke Malaysia pada 15 hingga 16 April 2025 yang telah menyaksikan pemeteraian dua Memorandum Persefahaman (MoU) baharu iaitu MoU mengenai Sokongan Bersama Penubuhan Makmal dalam bidang teknologi memuncul serta MoU mengenai Kerjasama dalam Aplikasi Sistem Navigasi Satelit Global BeiDou (*BeiDou Navigation Satellite System- BDS*).

Antara agenda yang diketengahkan dalam JCM termasuk pertukaran dasar sains, teknologi dan inovasi (STI) antara kedua-dua negara, perbincangan kerjasama pemindahan teknologi dan pengkomersialan serta pelaporan program dua hala utama Malaysia-China iaitu:

- i. **Program Penyelidikan Bersama Malaysia-China (Siri Kedua)** yang sedang berjalan dengan tajaan ke atas lapan projek Malaysia dalam bidang

kecerdasan buatan, teknologi hijau (penyimpanan tenaga), bioteknologi (vaksin manusia), teknologi angkasa lepas serta teknologi bahan termaju

- ii. **Program Pertukaran Kepakaran Malaysia-China (Siri Pertama)** yang telah melibatkan 10 penyelidik Malaysia dalam bidang-bidang teknologi kritikal termasuk bidang kecerdasan buatan, teknologi hijau (penyimpanan tenaga) serta teknologi bahan termaju
- iii. **Program Makmal Bersama Malaysia-China dalam Teknologi Baharu Muncul** dengan hala tuju pelaksanaan yang memberi tumpuan kepada sektor teknologi baru muncul seperti kecerdasan buatan, blok rantai (*blockchain*), bioteknologi, tenaga boleh baharu dan teknologi bahan termaju, dengan penglibatan akademik, industri dan komuniti dari kedua-dua negara

Kedua-dua negara turut menzahirkan komitmen untuk memperkukuh kerjasama Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam pelbagai bidang termasuk kecerdasan buatan, penjagaan kesihatan, tenaga hijau, teknologi bahan termaju, teknologi maklumat angkasa serta sains dan teknologi untuk pembasmian kemiskinan.

Sempena JCM ini, MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia juga telah mengumumkan pemilihan 10 penyelidik Malaysia bagi menyertai Program Pertukaran Kepakaran Malaysia-China (MSE) yang akan menempatkan mereka selama enam bulan di institusi penyelidikan, universiti dan syarikat terpilih di RRC. Program ini bertujuan memperkukuh kapasiti tempatan, diplomasi sains, memperluas jaringan penyelidikan dua hala serta membina keupayaan negara dalam bidang teknologi strategik dalam memperkasakan agenda STI negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

22 JUN 2026